



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **27 Nov 2020 (Jumaat)**

Utusan Malaysia

Tak perlu jadi batu ronson	1
Rakyat sudah muak	2

Harian Metro

Gagalkan insiden pencemaran sisa kimia	3
--	---

Kosmo

JAS, MPKj kesan awal sisa kimia dekat tasik	4
Naik taraf kolam takungan banjir	5

Sinar Harian

Penduduk di Meru dinasihati jangan panik	6
Kaji semula kriteria pendaftaran kilang haram	7

NTV7

Pencemaran Kimia Terbaharu, Sempat Dihalang	8
---	---

Selangor TV

Bekalan Air Pulih Tidak Secepat Elektrik	9
Guna Karbon Organik Kenal Pasti Pencemaran Bau	10
Laksana Stesen Statik, Tingkat Pemantauan Sumber Air	11
Lebih 200 Kilang Berdaftar Dengan JAS	12
Projek Pengalihan Aliran Sungai, Tangani Pencemaran Siap Hujung Tahun 2021	13
Selangor Guna Khidmat Syarikat Dron Ketiga Terbesar Dunia Pantau Pencemaran	14
Selangor Sedia Pelan Atasi Kemarau	15
Tindakan Pantas Agensi Berjaya Elak Gangguan Bekalan Air	16

TV3

Pencemaran Kimia Terbaharu, Sempat Dihalang / Hanya 223 Kilang Sahaja Berdaftar Dengan JAS Selangor	17
---	----

TV9

Hanya 223 Dari Lebih 15,000 Kilang Berdaftar Dengan JAS	18
Pencemaran Kimia Terbaharu, Sempat Dihalang	19

The Malaysian Reserve

Another chemical waste dumping at IWK manholes detected	20
S'gor introduces Raw Water Guarantee Scheme	21

China Press

Give warm to the tourism industry hero	22
MB: The campaign to eliminate gender-based violence should continue without time limit	23
MPK and the County Health Department meet daily to follow up on the pandemic and assist in pandemic prevention	24
Selangor State Government intends to implement the zero-emission and polluter-pays principle, and high-risk factories must build filter pool	25

Sin Chew Daily



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



MDHS orders illegal advertisement boards to be taken down before December 28th	26
Rawang Booster Pump now has "key personnel", who is in charge of activating when water levels are rising	27
Pandamaran sports stadium used as quarantine centre? City council chairman did not receive instructions	28
Situation is similar with Top Glove's; Selangor government suggests EMCO for 2 areas	29
Another person dumped waste into manhole; Incident reported by public, Selangor avoided water crisis	30
Sungai Selangor and Sungai Langat are two major raw water sources; Only 223 of 15331 factories are registered	31
Nanyang Siang Pau	
Ng Sze Han: Collecting information, Selangor plans to help those unable to do business	32
Top Glove's healthy staffs moved to 2 hotels in Klang for isolation	33
Oriental Daily	
13 people support registered voting, 3 name lists spreaded online	34
Guang Ming Daily	
Fortunately!Selangor state escaped from restriction water; Law enforcement officers intercept pollutants from inverted discharge culvert	35
MB Selangor will recommend the implementation of EMCO in 2 employee dormitories of Top Glove	36
Anwar: Let the Budget pass the second reading first, then debate at the committee stage and then oppose it	37
Makkal Osai	
Rivers to be upgraded with allocation of RM886,000	38



KERATAN AKHBAR 27 November 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tak perlu jadi batu ronson
Muka Surat	:	15

Tak perlu jadi batu ronson

Oleh **AHYA ALIMUDDIN**

KEPADA Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, kerjasama erat UMNO dan Pas dalam Muafakat Nasional (MN) di Pahang adalah *well tested and strongly proven* seperti mana kejayaan cemerlang calon-calon Barisan Nasional (BN) dari UMNO pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Cameron Highlands, hujung Januari 2019 dan PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini, awal Julai lalu.

Ini disebut oleh Wan Rosdy yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri dan BN negeri semasa mengguling perbahasan pada hari terakhir Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga DUN Ke-14, 20 Julai lalu:

"Oleh itu, kerjasama erat kita dalam MN di negeri ini yang bertunjangan keikhlasan dan kejujuran sesama kita parti-parti berpaksikan Melayu-Islam, UMNO dengan Pas, disokong pula oleh parti-parti bukan Melayu-Islam dalam BN hendaklah diteruskan sehingga menjelang dan melangkaui tempoh Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) kelak, insya-Allah."

Terkesan dengan kata-kata ini, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang mencelah dan dalam nada menyindir menanyakan kot-kot beliau bersedia melantik seorang ADUN Pas sebagai ahli Exco kerajaan negeri.

Wan Rosdy segera membalas, beliau memang bersedia tetapi Pas menolak. Lalu bangun Andansura Rabu (Pas-Beserah) yang juga Timbalan Pesuruhjaya Pas negeri berkata:

"Sebenarnya tidak timbul soal beri laluan ataupun menawarkan jawatan Exco kerana kami tak nak. Dalam erti kata lain, PhD...tak perlulah berpolitik begitu sekali dalam Dewan ini.

"Kita nak majukan negeri. Jadi, kalau kerajaan yang ada dah berjalan dengan baik, kenapa harus ganggu dengan



WAN Rosdy Wan Ismail (tengah) bersama Pesuruhjaya Pas Pahang, Rosli Abdul Jabar (dua dari kanan) dan timbalannya, Andansura Rabu (dua dari kiri) dalam satu majlis, baru-baru ini.

perkara-perkara remeh, yang tak perlukan sebarang pindaan (perubahan)?"

Datuk Seri Sharkar Shamsuddin (BN-Lanchang) pula meminta laluan dan menempelak ADUN pembangkang tersebut:

"...bukannya batu api (tapi) ronson. Dan ronson ini, api dia dalam air pun hidup."

Dialog-dialog terkini ini pun membuktikan kukuhnya persepakatan UMNO-Pas dalam MN Pahang. Kemuncaknya adalah pada sebelah petang apabila kelapan-lapan ADUN Pas bersama-sama 24 ADUN BN dari UMNO dan seorang ADUN BN dari MCA menyuarakan persetujuan kepada sebuah rang undang-undang (RUU).

Malangnya, setelah RUU diluluskan dengan suara majoriti, blok minoriti kelapan-lapan ADUN pembangkang (tidak termasuk seorang yang sedang bercuti) seumpama 'budak kalah main guli' tidak dapat menerima hakikat, telah secara biadab keluar Dewan tanda protes.

RUU yang dimaksudkan ialah Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Kedua) (Pindaan) 2020 berkaitan pelantikan tidak lebih lima ADUN (dilantik) tanpa melalui proses pilihan raya.

Dalam tempoh seminggu,



Ekoran itulah, calon BN berjaya pecahkan jinx kekalahan pada PRK DUN Sungai Kandis, Seri Setia dan Balakong serta PRK Parlimen Port Dickson sebelumnya."

dua kebelakangan ini pula, di tempat lain termasuk peringkat nasional, perkara berkaitan pembahagian kerusi sesama anggota MN bagi menghadapi PRU-15 mula diperkatakan. Malah, ada yang dipersiapkan sebagai retak menanti belah tetapi tidak halnya di Pahang.

OUT OF THE BOX

Sudah beberapa kali termasuk wawancara dengan *Utusan Malaysia*, Wan Rosdy secara konsisten menyebut bahawa sehingga kini, pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pahang adalah menurut *status-quo* - yang mana kerusi diduduki

UMNO akan diserahkan kepada calon UMNO untuk mempertahankankannya manakala milik Pas, begitulah juga.

Yang lain, sembilan kerusi ketika ini diduduki ADUN pembangkang, tujuh DAP dan dua PRK serta satu MCA. MN dan BN negeri akan berbangkit bagi menentukan parti mana dalam kalangan MN dan BN yang akan bertanding kelak.

Demikianlah istimewanya persepakatan dalam MN dan BN negeri di bawah teraju Wan Rosdy. Dan beliau pula mewarisi BN negeri daripada mentornya, Datuk Seri Adnan Yaakob yang pada PRU-14 lepas, 'mewariskan' Pahang sebagai hanya satu daripada dua negeri di bawah BN yang terus kekal memerintah.

Menyingskap kembali perihal MN Pahang, ia mula terserlah setelah calon BN dari UMNO memenangi PRK Parlimen Cameron Highlands pada 26 Januari 2019. Ketika itu, cabaran utamanya ialah kerajaan Pusat dikuasai oleh Pakatan Harapan (PH) dan pula, empat PRK pasca PRU-14 sebelum itu dimenangi berturut-turut oleh calon-calon PH.

Dengan formula *out of the box*, Wan Rosdy meletakkan pertama kalinya dalam sejarah pilihan raya negara,

anak Orang Asli sebagai calon BN, Datuk Ramli Mohd. Noor. Pas pula tidak bertanding, sebaliknya memberi sokongan dan bekerja kuat demi persepakatan dalam MN.

Ekoran itulah, calon BN berjaya pecahkan *jinx* kekalahan pada PRK DUN Sungai Kandis, Seri Setia dan Balakong serta PRK Parlimen Port Dickson sebelumnya.

Seolah-olah kemenangan BN di Cameron Highlands merupakan pemula dan faktor suntikan semangat kepada dua PRK DUN berikut -Semenyih dan Rantau (dimenangi calon BN).

Persepakatan MN Pahang tidak terhenti di situ malah diperkuatkan lagi dengan pertama kali dalam sejarah, penganjuran perhimpunan sehingga 10,000 orang termasuk ahli UMNO dan Pas pada Himpunan Perpaduan Ummah (HPU) di Padang Majlis Perbandaran Kuantan pada 27 April 2019.

Susunan itulah pada 13 September atau empat bulan kemudian, HPU peringkat kebangsaan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Seperti mana di Kuantan yang turut dihadiri oleh kedua-dua Presiden parti -Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang, begitulah juga di PWTC.

Dan, PRK DUN Chini pada 4 Julai lalu seumpama *icing on the cake*, sebagai pengabsahan kekuatan MN Pahang apabila calon BN sekali lagi menang bergaya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Sejarah inilah yang hendak dijadikan bekal dan pedoman khususnya dalam aspek kerjasama MN Pahang yang tidak boleh mudah jadi batu api mahupun mengadudombakan seperti mana kata-kata Wan Rosdy tadi:

"...yang bertunjangan keikhlasan dan kejujuran sesama kita - parti-parti berpaksikan Melayu-Islam, UMNO dan Pas, disokong pula oleh parti-parti bukan Melayu-Islam dalam BN, hendaklah diteruskan sehingga menjelang dan melangkaui tempoh PRU-15, insya-Allah."



KERATAN AKHBAR 27 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Rakyat sudah muak
Muka Surat	:	16

CAKNA

Oleh
Megat Syazlee Mokhtarom



SETIAP kali keluar rumah, kami menahan lemas, bersiap siaga, pelitup muka dipakaikan dan cecair pembasmi kuman sentiasa menjadi peneman setia di sisi. Usai urusan, pulang ke rumah pula bermandikan keringat masam dan berlegas. Baru menarik nafas lega akibat gangguan air pada Oktober lalu, kini November, masalah bekalan terganggu lagi.

Amalan harian yang sudah pun sukar di marcapada pasca Covid-19, dibebankan pula dengan gangguan bekalan air di beberapa daerah di Selangor. Kerajaan bertukar bersilih ganti, namun negeri yang pesat membangun dengan kota raya maju lagi metropolis, bagai indah khabar daripada rupa. Mengapakah isu dangkal dan asas ini masih membelenggu bumi Darul Ehsan?


Kegelisahan penduduk dicitrakan dengan omokan pawang-pawang satira menawarkan perubahan metafizikal kepada Jabatan Air Selangor sebagai pengubut gangguan-gangguan bekalan air di negeri itu. Masyarakat sudah muak menunggu penyelesaian rasional yang saban hari masih tidak tiba-tiba.

Pandangan sarwa masyarakat bahawa isu gangguan air ini bukan isu yang baharu. Malahan hanya tiga bulan lalu, bekalan air di 686 kawasan terjejas akibat gangguan air disebabkan oleh pencemaran bau di Sungai Selangor. Sudah tentu sukar untuk diterima akal apabila terlalu banyak gangguan disebabkan oleh pencemaran di sungai sama. Prakarsa kerajaan negeri seperti tumpul dan tidak berdaya untuk membanteras angkara korporat dan konglomerat keparat.

KERETA KUDA

Namun, adakah adil jika kegagalan ini digeleng oleh kerajaan negeri semata-mata? Sebelum saya pun turut serta menaiki kereta kuda pawang-pawang satira ini, perlulah diingatkan agar kita membuat keputusan sendiri. Tidak mahu menjadi seperti si luncai terjun dengan labu-labunya. Jadi, bermulalah pengembaraan dalam menelusuri bahasa-bahasa perundangan yang runyam dan rumit.

Perjalanan saya bermula dengan satu akta Persekutuan



PENDUDUK Bangi mendapatkan bekalan air bersih yang disediakan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. berikutan gangguan bekalan disebabkan pencemaran Sungai Semenyih, Oktober lalu. - UTUSAN/AMIR KHALID

Rakyat sudah muak

“ Pendekatan yang diambil oleh kementerian adalah sedikit hambar dan tidak padan dengan permasalahan yang acap kali timbul ini.”

berjudul Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Saya terpenggil dengan Seksyen 3 (1) Akta 655 di mana jelas tertera kuasa eksekutif bagi segala perkara berkaitan bekalan air di seluruh Semenanjung adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Manakala jika dirujuk Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar berperanan dalam melindungi

sungai dan sumber air awam. Jelas, Menteri Alam Sekitar dan Air juga harus dipertanggungjawabkan ke atas kegagalan urus tadbir yang membawa kepada gangguan bekalan air di mana-mana negeri. Sementara itu ada bukti kementerian memandang enteng saranan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha menambah keterampilan penguatkuasaan Akta 127.

Aktivis alam sekitar sudah pun mengemukakan cadangan pindaan segera terhadap Akta 127 dengan menambah seksyen baharu yang membolehkan tuntutan kerugian oleh pihak yang terjejas. Namun, apabila nasi sudah menjadi bubur, dengan sikap acuh tidak acuh, kerajaan yang enggan bertegas, murba juga jadi mangsa.

Pada 3 November lalu, Menteri Alam Sekitar dan Air membuat kenyataan di Parlimen, dari tempoh 1 Januari hingga 30 September lalu, sebanyak 61 premis dibawa ke mahkamah dan dikenakan tindakan kompaun atas kesalahan berkaitan pencemaran air

serta pengurusan buangan berjadual. Jumlah keseluruhan denda adalah sebanyak RM 6.1 juta. Ditegaskan bahawa kementerian tidak bersedia untuk memperkenalkan hukuman penjara mandatori bagi pencemar sungai yang tegar, mahupun membenarkan pengguna menuntut ganti rugi daripada pesalah yang mencemarkan sumber air atau syarikat industri.

HAMBAR

Sejujurnya, pendekatan yang diambil oleh kementerian adalah sedikit hambar dan tidak padan dengan permasalahan yang acap kali timbul ini. Ini dibuktikan dengan insiden pencemaran di Rantau Panjang yang berlaku lagi, baru-baru ini. Saya percaya, rakyat sudah jemu dengan cogan yang hanya ralat disorak-sorak sebagai piagam. Kementerian harus mempersudikan penyelesaian yang lebih drastik termasuklah mempertanggungjawabkan konglomerat syarikat air dengan tugas fidusiar agar mereka juga akan memastikan keabsahan bekalan air bagi

rakyat.

Sebagai pengitlakan, KASA harus lebih proaktif dan menyambut baik cadangan-cadangan bernas daripada pertubuhan bukan kerajaan, bukannya bersikap reaktif. Bukannya mengambil sikap sudah terhantuk baru hendak tengadah. Lebih-lebih lagi, apakah kementerian masih dilihat muntul dan berkongkalikung melindungi konglomerat syarikat industri air yang tidak efektif? Tuntasnya, kerugian yang diakibatkan oleh pencemaran ini tidak adil untuk dipikul di bahu pengguna semata-mata.

Mungkin sudah tiba masanya bagi rakyat marhaen untuk tidak lagi menunggu penyelesaian dari cabang eksekutif yang berantakan, mahupun memasang harapan daripada penggabul perundangan yang tercungap-cungap dan selektif dalam membuat pindaan. Berganjaklah ke cabang kehakiman dan memburu keadilan di situ.

PENULIS ialah seorang peguam litigasi



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **27 November 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gagalkan insiden pencemaran sisa kimia
Muka Surat	:	22

Shah Alam: Tindakan pantas pihak berkuasa berjaya menghalang satu lagi insiden pencemaran sisa kimia berhampiran Bandar Bukit Mahkota, Cheras yang berpotensi menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, sisa kimia itu dipercayai pelarut berbau busuk dan berwarna putih yang

Gagalkan insiden pencemaran sisa kimia

dikesan orang awam di salah satu lurang Indah Water Konsortium (IWK) di kawasan itu.

"Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor menerima laporan berhubung pencemaran itu jam 10 malam sebelum menghubungi Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) untuk tindakan segera.

"Sisa itu didapati melim-

pah dari lurang itu mengalir ke tasik yang terletak di sebuah rumah kelab berdekatan kawasan itu.

"Tindakan segera yang kami lakukan adalah meletakkan 20 bag karbon aktif di tasik itu untuk menyekat dan meneutralkan sisa kimia itu daripada terus mengalir ke Sungai Beranang," katanya di sini, semalam.



KERATAN AKHBAR 27 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	JAS, MPKj kesan awal sisa kimia dekat tasik
Muka Surat	:	6

JAS, MPKj kesan awal sisa kimia dekat tasik

SHAH ALAM – Kepantasan pihak berkuasa berjaya mematahkan cubaan pencemaran sisa kimia berhampiran sebuah tasik di Bandar Bukit Mahkota, Cheras yang boleh menyebabkan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, Kajang dekat sini, kelmarin.

Perbuatan itu dikesan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) selepas menerima maklumat daripada orang awam kira-kira pukul 10 malam.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, sisa kimia berwarna putih dengan campuran bahan pelarut dikesan di lurang Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) berhampiran kawasan berkenaan.


"Bagaimanapun, bahan buangan itu berjaya disedut

menggunakan dua lori tangki dan pihak berkuasa menutup sementara LRK IWK untuk kerja-kerja pembersihan yang berjaya diselesaikan kira-kira pukul 2 pagi.

"Jarak LRK IWK dengan tasik berhampiran kawasan itu yang bersambung dengan Sungai Beranang adalah kira-kira satu kilometer," katanya kepada pemberita selepas Taklimat Pelan Perancangan Penyelesaian Masalah Bekalan Air di Sungai Selangor & Sungai Semenyih yang berlangsung di Bangunan Annex semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pembedaan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir. Izham Hashim.

Loy Sian menegaskan, lokasi kejadian tersebut adalah bersempadanan dengan Nilai, Negeri Sembilan dan merupakan siri pencemaran kali ketiga dilaporkan sejak 2018.



SISA kimia berwarna putih dengan campuran bahan pelarut dikesan di loji IWK sekitar pukul 10 malam semalam.



KERATAN AKHBAR 27 November 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Naik taraf kolam takungan banjir
Muka Surat	:	7

Naik taraf kolam takungan banjir

PETALING JAYA – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kementerian Alam Sekitar dan Air di dalam proses permohonan pemertuaan kolam-kolam yang berpotensi dinaik taraf sebagai kolam takungan banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir. Nor Hisham Mohd. Ghazali berkata, kesemua kolam tersebut akan berfungsi untuk menampung air banjir semasa hujan lebat dan dilepaskan secara terkawal ke sungai.

“Kaedah ini terbukti berkesan menyelamatkan ibu kota daripada banjir sejak terowong SMART dibina bagi mengawal takungan air.

“Jika tanpa lencongan SMART kemungkinan berlakunya banjir disebabkan limpahan sungai di pusat bandar adalah tinggi,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kejadian banjir yang kerap melanda ibu negara sekiranya berlaku hujan lebat.

Kebelakangan ini, beberapa lokasi di Kuala Lumpur kerap dilanda banjir kilat sehingga mengakibatkan orang ramai kerugian harta benda.

Dalam pada itu, beliau berkata, JPS juga akan membina lebih banyak stesen siren amaran banjir di lokasi-lokasi ‘hotspot’ banjir.

“Setakat ini JPS WPKL mempunyai tujuh stesen siren di Jalan Pekeliling, Jalan Rahmat, Jalan Ampang, Jambatan Tun Perak, Segambut Dalam, Segambut Bahagia Tambahan



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



Kaedah ini terbukti berkesan menyelamatkan ibu kota daripada banjir sejak terowong SMART dibina bagi mengawal takungan air.”

NOR HISHAM MOHD. GHAZALI

dan Rumah Pam Kampung Bharu.

“Stesen siren ini akan memberi amaran lebih awal kepada penduduk sekitar apabila aras air mula meningkat,” jelasnya.

Tambah Nor Hisham, JPS turut menjalankan kempen-kempen bagi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menjaga dan menghargai sungai.

Mengulas lanjut, kata beliau, JPS akan memberikan khidmat nasihat teknikal dan akan sentiasa bersedia memberikan pandangan dan cadangan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membantu mengatasi masalah berkaitan sistem perparitan di WPKL.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **27 November 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penduduk di Meru dinasihat jangan panik
Muka Surat	:	15

Penduduk di Meru dinasihat jangan panik

KLANG - Penduduk di Meru terutamanya mereka yang tinggal berhampiran Jalan Teratai di sini dinasihatkan agar tidak panik dengan situasi terkini mengenai Kluster Teratai di kawasan tersebut.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, ketika ini saringan sedang dijalankan melibatkan pekerja kilang Top Glove.

“Namun, saya difahamkan kes ter-

**KLUSTER
TERATAI**

baharu melibatkan Kluster Teratai ini telah menurun.

“Jadi saya nasihatkan kepada penduduk jangan panik dan perlu sentiasa mematuhi produser operasi standard (SOP) serta jaga kesihatan masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Majlis Mesyuarat Bulanan Penuh MPK bertempat di Dewan Mesyuarat Raja Mahadi, MPK semalam.



KERATAN AKHBAR
27 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kaji semula kriteria pendaftaran kilang haram
Muka Surat	:	29

Kaji semula kriteria pendaftaran kilang haram

SHAH ALAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) disaran supaya dapat meneliti semula peruntukan peraturan melibatkan pendaftaran kilang-kilang haram di negeri ini.

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, sehingga Disember tahun lalu lebih 15,000 kilang sekitar lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat masih belum berdaftar dengan JAS ekoran kriteria ditetapkan agensi itu.

Beliau berkata, pihaknya beranggapan peruntukan yang ditetapkan JAS berhubung pendaftaran kilang-kilang ini perlu dilihat semula berikutan mempunyai beberapa kelompok yang boleh di atasi demi kebaikan semua.

“Setakat hujung tahun lalu, JAS hanya memproses 223 kilang yang mengeluarkan efluen melebihi 60,000 liter. Sisa yang kurang dari jumlah itu tidak boleh berdaftar dengan JAS.



Izham (dua dari kiri) dan Loy Sian melawat ruang pameran selepas taklimat berkenaan yang diadakan semalam.

“Sebenarnya, JAS menyedari memang ada kelompok dalam peraturan bagi pendaftaran kilang-kilang ini dan ia perlu dilihat semula.

“Malah, kilang-kilang ini juga adalah berdasarkan kategori dan tidak semuanya menyebabkan pencemaran serta berisiko tinggi kepada sungai,” katanya sewaktu Taklimat Pelan Perancangan Penyelesaian Masalah Bekalan Air di Sungai Selangor & Sungai Semenyih yang berlangsung di Bangunan Annex semalam.

Hadir sama pada sesi taklimat itu adalah Exco Pelancongan, Alam Seki-

tar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian.

Dalam pada itu, Izham berkata, kerajaan negeri turut menggariskan beberapa kaedah penyelesaian isu bekalan air di negeri ini antaranya melakukan rawatan awal di kolam rawatan air.

Selain itu, Izham berkata, pemantauan oleh Skwad Pantas di lembangan sungai utama akan diperkasa di samping membangunkan stesen telemetri kualiti air.

“Stesen telemetri ini bertujuan sebagai sistem amaran awal di hulu muka sauk berisiko,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	NTV7
Tajuk Berita	:	Pencemaran Kimia Terbaharu, Sempat Dihalang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Bekalan Air Pulih Tidak Secepat Elektrik
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Guna Karbon Organik Kenal Pasti Pencemaran Bau
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Laksana Stesen Statik, Tingkat Pemantauan Sumber Air
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Lebih 200 Kilang Berdaftar Dengan JAS
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Projek Pengalihan Aliran Sungai, Tangani Pencemaran Siap Hujung Tahun 2021
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selangor Guna Khidmat Syarikat Dron Ketiga Terbesar Dunia Pantau Pencemaran
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selangor Sedia Pelan Atasi Kemarau
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Tindakan Pantas Agensi Berjaya Elak Gangguan Bekalan Air
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Pencemaran Kimia Terbaharu, Sempat Dihalang / Hanya 223 Kilang Sahaja Berdaftar Dengan JAS Selangor
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	TV9
Tajuk Berita	:	Hanya 223 Dari Lebih 15,000 Kilang Berdaftar Dengan JAS
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2020

Akhbar	:	TV9
Tajuk Berita	:	Pencemaran Kimia Terbaharu, Sempat Dihalang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 November 2020

Akhbar	:	The Malaysian Reserve
Tajuk Berita	:	Another chemical waste dumping at IWK manholes detected
Muka Surat	:	3

Another chemical waste dumping at IWK manholes detected

ANOTHER suspected act of sabotage on the Selangor water supply was detected yesterday with chemical waste being poured into the Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) manholes near Bandar Bukit Mahkota, Bangi, Selangor.

Selangor's State Standing Committee on Tourism, Environment and Green Technology and Indigenous Affairs chairman Hee Loy Sian said swift action by the authorities had, however, managed to prevent the residue from entering the Semenyih Water Treatment Plant (WTP) at the downstream level.

"The Selangor Department of Environment received a report on the pollution at 10pm and then contacted the Kajang Municipal Council for immediate action.

"The waste was found to have overflowed from the manhole and then flowed to the lake which is located in a clubhouse near the area," he said at a media briefing related to river pollution in Shah Alam yesterday.

He said 20 bags of activated carbon have been released into the lake to block and neutralise the chemical waste from continuing to

flow into Sungai Beranang.

Hee said the chemical waste that smelled like hair dye was then removed by IWK trucks and the cleaning work was completed at 2am.

He added that the IWK plant in the area also had to be closed yesterday so that cleaning work could be carried out.

The distance of the IWK plant location is about 1km from the lake," Hee added.

"We suspect that the mastermind of the activity committed the removal of prohibited substances

by using a truck to avoid being detected.

"If there was no swift action yesterday, the plant closure may occur as the contaminated water is expected to be brought to the Semenyih WTP within 10 hours," he said.

This is also the third pollution incident to occur at the same location since 2018.

Hee also said the act is a sabotage towards the Selangor water and river system, similar to what happened in Taman Velox, Rawang. He said it could not be ascer-

tained yet if the culprit's motive for dumping the waste is linked to any specific agenda.

However, he did not rule out that it could be connected to previous incidents that had occurred repeatedly at almost the same spot.

Last month, the Selangor government also amended a law to give a more stringent penalty to those who polluted any part of the riverways, including IWK manholes and drainage systems which eventually will affect the operation at Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd's WTP. — by AFIQ AZIZ



KERATAN AKHBAR		
27 November 2020		
Akhbar	:	The Malaysian Reserve
Tajuk Berita	:	S'gor introduces Raw Water Guarantee Scheme
Muka Surat	:	3

S'gor introduces Raw Water Guarantee Scheme

